

**SOALAN NO : 28**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM  
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : YB TUAN NIK MOHAMAD ABDUH BIN NIK  
ABDUL AZIZ [PASIR MAS]**  
**TARIKH : 17 MEI 2016**  
**SOALAN :**

**YB Tuan Nik Mohamad Abduh bin Nik Abdul Aziz [Pasir Mas]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan berkenaan masalah kesihatan mental dalam kalangan masyarakat di negara ini termasuk bilangan kes mengikut kategori usia dan jenis penyakit, faktor-faktor dan langkah-langkah mengatasinya.

**Tuan Yang di-Pertua,**

Kajian Kesihatan dan Morbiditi Kebangsaan 2015 yang telah dijalankan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) mendapati bahawa prevalen masalah kesihatan mental dalam kalangan mereka yang berumur 16 tahun ke atas adalah 29.2%. Manakala data yang dikumpulkan oleh KKM menunjukkan bahawa daripada tahun Januari 2013 hingga Disember 2014, sejumlah 42,178 kes gangguan mental telah dicatatkan mendapat rawatan daripada hospital-hospital KKM yang mempunyai perkhidmatan psikiatri di seluruh Malaysia.

Daripada jumlah tersebut, sebanyak 27,855 (66.0%) kes adalah lelaki dan 14,313 (34.0%) kes adalah perempuan. Dari segi umur, didapati mereka yang berumur antara 20-49 tahun mencatatkan bilangan kes gangguan mental paling tinggi. Antara kategori gangguan mental dan tingkah laku (mengikut ICD 10) yang menerima rawatan adalah *organic mental disorder, mental and behavioural disorders due to substance abuse, schizophrenia, mood disorder, neurotic, stress related, somatoform disorders and mental retardation*.

Terdapat empat (4) faktor utama yang boleh menyumbang kepada terjadinya penyakit mental iaitu:

- (i) **Faktor genetik/keturunan:** Sekiranya ahli keluarga ada mempunyai sejarah penyakit mental, individu itu lebih berisiko mendapat penyakit mental berbanding seseorang yang tiada sejarah ahli keluarga berpenyakit mental;
- (ii) **Gangguan bahan kimia dalam otak:** Seseorang akan mengalami gejala penyakit mental sekiranya bahan kimia dalam otak yang dikenali sebagai neurotransmitter tidak berfungsi;
- (iii) **Sejarah hidup yang pahit:** Kehilangan orang yang tersayang, perpisahan seperti penceraian, masalah hubungan dan terlalu banyak mengalami cabaran hidup yang sukar; dan
- (iv) **Keadaan faktor sosio-ekonomi yang rendah:** Faktor kewangan, kemiskinan, tiada kemudahan asas, tempat tinggal sesak dan bising serta keganasan dalam masyarakat.

Untuk mengatasi masalah ini, KKM telah melaksanakan langkah-langkah berikut :

- (a) KKM telah menubuhkan satu Majlis Penasihat Promosi Kesihatan Mental semenjak tahun 2011 yang dianggotai oleh pakar-pakar kesihatan mental dan pertubuhan NGO bagi merancang dan menentukan halatuju Program Promosi Kesihatan Mental selari dengan polisi atau dasar yang telah ditetapkan;
- (b) Aktiviti-aktiviti promosi kesihatan mental dilaksanakan bagi meningkatkan kesedaran awam tentang kesihatan mental. Melalui Kempen Cara Hidup Sihat yang memfokuskan kepada Menangani Stres kerana stres berterusan dan tidak dapat ditangani akan menyebabkan kemurungan. Aktiviti-aktiviti yang dilaksanakan melalui Sambutan Hari Kesihatan Mental meliputi kem-kem kesihatan; pameran; ceramah, dialog dan forum. Risalah dan poster berkaitan kesihatan mental dan penyakit mental juga diedarkan melalui klinik-klinik kesihatan. Kementerian juga mewujudkan laman web Portal MyHealth [www.myhealth.gov.my](http://www.myhealth.gov.my). yang memuatkan maklumat tepat tentang topik-topik kesihatan mental;
- (c) Melalui Program Kesihatan Mental Komuniti, perkhidmatan kesihatan mental di klinik-klinik kesihatan dilaksanakan secara integrasi. Perkhidmatan ini meliputi aktiviti promosi dan pengesanan awal melalui saringan untuk mengesan awal tahap stres, keresahan dan kemurungan serta individu yang berisiko

mengalami masalah kesihatan mental di kalangan masyarakat serta intervensi; dan

- (d) Bagi mempertingkatkan kemahiran menangani stres di kalangan komuniti, usaha-usaha mempromosikan kesihatan mental dan mencegah penyakit mental dilaksanakan melalui latihan kemahiran daya tindak dan aktiviti pemerksaan komuniti di mana elemen menangani stres dimasukkan sebagai salah satu komponen dalam KOSPEN di Tempat Kerja. Selain itu, KKM juga telah mengambil inisiatif untuk membangunkan Program Menangani Stress di Tempat Kerja bagi membantu warga kerja untuk menangani stres. KKM dengan kerjasama Kementerian Pendidikan juga sedang melaksanakan Program Minda Sihat dalam kalangan murid sekolah di 2343 buah sekolah menengah seluruh negara.

## PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : Y.B DATO' MAHFUZ OMAR**  
**TARIKH : 17.5.2016**  
**SOALAN : NO.29**

**Y.B Dato' Mahfuz Omar [ Pokok Sena ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan berapa jumlah mahasiswa mengikut IPTA yang masih menganggur yang disebabkan kelulusan mereka yang tidak sesuai dengan permintaan sektor ekonomi dan nyatakan bidang-bidang pengajian tersebut.

### JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, berdasarkan Kajian Pengesanan Graduan (SKPG) 2015 yang dijalankan oleh Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) semasa konvokesyen, peratusan graduan Institusi Pendidikan Tinggi Awam (IPTA) iaitu di Universiti Awam (UA), Politeknik dan Kolej Komuniti yang bekerja adalah 77.5 peratus dan 22.5 peratus belum bekerja.

Merujuk kepada SKPG 2015, di antara bidang pengajian yang menunjukkan kadar kebolehpasaran graduan yang rendah adalah bidang Pemasaran dan Jualan/Pengiklanan, Sains Gunaan dan Aeroangkasa.

Antara langkah-langkah yang diambil oleh KPT dalam mengkaji semula kursus yang ditawarkan kepada pelajar agar bersesuaian dengan pasaran kerja adalah melaksanakan kursus berdasarkan Konsep

Pendidikan Berasaskan Hasil (OBE) dan Kerangka Kelayakan Malaysia (*Malaysian Qualification Framework-MQF*), membuat semakan kurikulum serta menjumud program yang tidak relevan dan tidak berdaya maju. Selain itu, sebelum sesuatu program akademik baharu diwujudkan, perkara seperti peratusan kebolehpasaran graduan bagi fakulti yang ingin menawarkan program baharu dan peratus kebolehpasaran graduan keseluruhan bagi UA yang memohon akan diambil kira sebelum diberikan kelulusan.